

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

1. amalan untuk meningkatkan mutu kesihatan
2. kemampuan melakukan aktiviti seharian tanpa berasa letih
3. makanan yang berkhasiat
4. makanan ringan
5. makanan yang dimakan bukan pada waktu makan utama
6. berlaku dengan sendirinya
7. besi yang berkualiti dan tahan hakisan
8. jumlah maksimum yang dapat ditampung
9. kualiti besar
10. butiran terperinci tentang sesuatu

PBD Kemahiran Menulis

Perkembangan sains dan teknologi telah banyak membawa kemajuan kepada sesebuah negara. Maka, tidak hairanlah apabila Malaysia berusaha untuk memajukan bidang sains dan teknologi di negara ini.

Antara kebaikan daripada penggunaan sains dan teknologi adalah dapat mempercepat pertumbuhan ekonomi negara. Pentadbiran yang cekap dapat memberikan keyakinan kepada para pelabur untuk menanam modal di negara ini. Oleh itu, Malaysia telah menjadi sebuah negara maju dalam sektor perindustrian berasaskan teknologi canggih dan melahirkan masyarakat yang berdaya cipta. Kemudahan ini dapat mengubah tahap ekonomi rakyat menjadi lebih baik.

Perkembangan sains dan teknologi juga dapat membentuk kerajaan elektronik. Langkah kerajaan Malaysia memperkenalkan

kios elektronik di pejabat, bank, dan pusat beli-belah bagi mempercepat dan mempermudah urusan orang ramai dengan jabatan kerajaan seperti membayar cukai tanah, memperbaharui lesen memandu, dan membayar denda kesalahan trafik amat dipuji. Hal yang demikian sudah tentu dapat meningkatkan kualiti kehidupan rakyat Malaysia.

Melalui sains dan teknologi, pusat pengajian tinggi dapat mengadakan sistem pendidikan jarak jauh dengan menggunakan kemudahan telekomunikasi. Sesiapa sahaja yang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi boleh mengikuti kuliah menerusi komputer peribadi. Pada hari ini, UNITAR, UITM, dan USM telah merealisasikan konsep pembelajaran baharu ini.

Kemajuan sains dan teknologi dalam bidang pengangkutan dapat menjimatkan masa dan tenaga para penumpang. Kereta api komuter yang menggunakan sistem ERL membawa penumpang lebih daripada 17 799 orang sehari dari Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Kereta api komuter digambarkan "terapung" di atas landasan yang membolehkannya mencapai kelajuan lebih pantas apabila rodanya menyentuh landasan.

Kesimpulannya, sains dan teknologi membawa banyak kesan positif kepada kehidupan manusia. Oleh itu, marilah kita berganding bahu merancang pembangunan sains dan teknologi agar generasi akan datang tidak merana akibat penyalahgunaan sains dan teknologi yang sedia ada.

PBD Aspek Tatabahasa

keperluan; merapatkan; pemisahan; dibawa; lapisan; membuatkan; dimiliki; bersifat; Tinjauan; terkenal; merujuk; kemusykilan; pengajian; pensusarahan; mengesahkan; golongan; berasa; menghubungi; pemudah; mempunyai; prabayar; membazirkan; bersempang; tertentu; rawatan; mengganggu; pengemudian